

# Tiada pertindihan kursus tawaran KKYS

Oleh LIAW SIN KUANG

KOTA KINABALU, Rabu - Tidak wujud soal pertindihan kursus yang ditawarkan oleh Kolej Komuniti Yayasan Sabah (KKYS) dengan pusat pengajian lain yang ada di negeri ini.

Ketua Menteri, Datuk Mohd. Salleh Tun Said berkata, ini kerana kursus dan latihan yang ditawarkan oleh kolej itu telah diselaraskan dengan kursus di pusat pengajian lain seperti Universiti Malaysia Sabah (UMS), Sekolah Menengah Vokasional dan lain-lain.

Beliau berkata, KKYS menyediakan kursus yang berkaitan dengan keperluan sumber manusia di negeri ini seperti dalam bidang teknologi kayu, binaan dan bangunan, teknologi otomotif, elektronik dan lain-lain.

"Kita perlu melatih dan menyediakan tenaga mahir tersebut kerana ia amat diperlukan sekali dalam usaha kita untuk membawa pembangunan di Sabah", katanya kepada para wartawan, hari ini.

Beliau berkata demikian selepas melawat dan meninjau tapak KKYS di Teluk Likas, pagi ini. Beliau diiringi oleh Pengarah Yayasan Sabah, Datuk Musa Haji Aman.

Salleh yang juga pengerusi

Lembaga Pemegang Amanah YS berkata, penubuhan KKYS menunjukkan komitmen kerajaan melalui YS dalam memberi latihan kemahiran kepada rakyat negeri ini bagi menyediakan sumber tenaga mahir untuk keperluan masa depan.

KKYS ialah satu bahagian operasi YS yang ditubuhkan untuk menjalankan program-program latihan dalam bidang-bidang teknikal, vokasional dan profesional seperti yang dilakukan oleh maktab-maktab komuniti yang terdapat di Kanada dan Amerika Syarikat.

Rekabentuk dan perancangan kampus baru bermula pada Oktober 1994 dan pembinaan bagi fasa pertama kolej yang bernilai RM14 juta telah dimulakan pada 13 Januari 1995 dan dijangka siap bulan ini.

Fasa pertama kolej itu melibatkan pembinaan blok bangunan bengkel, satu blok bangunan bilik darjah, dua blok asrama untuk 120 pelajar dan kemudahan lain untuk kegunaan KKYS.

Sementara bangunan kampus untuk kegunaan sementara UMS lengkap dengan pejabat, asrama, bilik kuliah, bilik seminar dan lain-lain. Kesemua projek pembangunan itu telah hampir 90 peratus siap.

Sehingga bulan ini, KKYS telah mengambil 199 orang pelajar Sabah daripada sejum-

lah 553 permohonan untuk mengikuti pengajian dalam pelbagai program di kolej itu.

Sementara itu, menjawab satu soalan, Salleh berkata, beliau berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan oleh jabatan berkenaan dan pihak berkuasa tempatan dalam

menyediakan laporan mengenai pelan projek pembangunan yang belum dilulus dan diselesaikan.

Katanya, beliau sudah mendapat maklumat terperinci dan sedang mengkajinya dan akan mengambil tindakan sewajarnya termasuk mengadakan

perbincangan yang lebih mendalam untuk diputuskan dengan segera.

"Sejak membuat arahan itu, nampaknya jabatan dan pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab telah melakukan proses kelulusan dengan segera", tegasnya.

UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH